

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 2 January 1972 > Page 4 > Drama 'Korban' Zain Mahmud untuk tayangan Hari Raya Haji Talivishen M'sia

Drama 'Korban' Zain Mahmud untuk tayangan Hari Raya Haji Talivishen M'sia

Berita Harian, 2 January 1972, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL6979

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Drama 'Korban' Zain Mahmud untuk tayangan Hari Raya Haji Talivishen M'sia

ZAINUDDIN

BENDAHARA
Oleh

PERI hampanya sa-orang pemuda melihat kampong halaman yang di-tinggalkan-nya 10 tahun lalu maju hanya dari segi kenyataan tetapi tidak kepada penduduk2-nya akan dapat di-lihat dalam drama "Korban" yang akan di-terbitkan oleh TV Malaysia sempena tayangan Hari Raya Haji ini.

"Korban" yang di-di-karang oleh Zain Mahmud...

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
2 January 1972Reel Number:
NL6979

Share

Table of Contents

< Previous

Page 4

Next >

Drama 'Korban' Zain Mahmud untuk tayangan Hari Raya Haji Talivishen M'sia

Drama 'Korban' Zain Mahmud untuk tayangan Hari Raya Haji Talivishen M'sia ZAINUDDIN BENDAHARA Oleh

JUARA KUGIRAN MALAM INI

JUARA KUGIRAN MALAM INI ZED Oleh •SUARA KILAT" yang berjaya masuk peringkat akhir pertandingan

Halaman 4 Iklan Ruangan 1

KENYATAAN KENYATAAN SEGALA usaha ada-lan dibuat untuk menyilarkan Iklan2 pada hari2 yang

View Full Table of Contents >



manusia juga akan menimbulkan persoalan: Apa-kah kemajuan bererti penduduk2 meninggalkan kampung pergi ka-bandar, dan anak2 muda di-pengaruh oleh arus-nya hingga terlupa kepada moral sendiri?

Komidi

Zain yang baru2 ini di-lantek menjadi Ketua Bahagian Drama TV Malaysia akan mengarah dan menerbitkan sendiri drama ini.



Beliau juga akan menerbitkan sa-buah lagi drama berchorak komidi yang juga akan di-tayangkan untuk persembahan Raya Haji ini.

Drama itu "Rumah Pondok Rumah Pangsa" ditulis oleh Kalam Hamidi.

Bagi Zain, kedua2 drama ini merupakan perhubungan pertama beliau dengan TV Malaysia, walaupun pun sa-belum ini beliau pernah menerbit dan mengarahkan berpuluh2 buah drama di-Radio dan Talivishen Singapura.

Dan ini juga merupakan kegiatan pertama Bahagian Drama TV Malaysia dalam penerbitan drama-nya untuk tahun ini.



Menurut Zain, "Korban" merupakan sa-buah drama masyarakat yang di-harap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat kampung.

Kekaseh

Cherita-nya berkisar di-sekitar hidup sa-orang pemuda bernama Bakri yang bekerja sa-bagai wartawan di-sabuah kota besar.

Satu hari ketika Hari Raya Haji hampir menjelang ia tiba2 teringatkan kampung halaman yang telah di-tinggalkan-nya begitu lama.



Sa-benar-nya Bakri telah bosan dengan hidup di-kota dan ingin men-

chari ketenangan dengan menikmati keindahan kampung.

Dan yang lebih menguatkan lagi hati-nya

untuk pulang itu ia-lah hendak menemui kekaseh-nya, Rohaya.

Ketika tiba di-kampung Bakar terpegun melihat serba kemajuan yang terdapat. Dan yang lebeh memeranjatkan beliau ia-lah melihat perubahan sikap penduduk-nya, jauh berbedza dari dulu.

Perubahan ini sangat menghampakan hati Bakri. Dan lebeh menghampakan lagi apabila ia gagal menemui kekaseh-nya, Rohaya.

Tidak sa-orang pun penduduk kampung itu, baik ayah atau abang Rohaya sendiri, mahu memberitahu-nya di-mana Rohaya berada.

Akhir-nya ia sendiri mendapat tahu bahawa Rohaya telah pindah ka-bandar.

Apa yang berlaku kepada Rohaya di-bandar merupakan punchak jalan cerita ini yang mana tajok-nya di-pileh oleh Zain.

Penggambaran drama ini telah pun di-mulakan semalam.

Menurut Zain, "Korban" yang memakan ma-

sa kira2 45 minit hanya akan di-lakonkan oleh lima orang pelakon sahaja dan hampir 90 peratus penggambaran-nya di-buat dalam studio.

Punchak

Dua dari pelakon itu Aziz Singgah dan Musa Albakri, pernah mengambil bahagian dalam beberapa buah drama terbitan RTS. Yang tiga lagi ia-lah Norlela Samad, Zainuddin Zimbo dan Haizan Haji Mohamed.

Peranan Bakri di-pegang oleh Aziz manakala Rohaya oleh Norlela.

Lagu "Lambaian Bunga" yang sangat popular sedikit masa dulu telah di-pileh oleh Zain sebagai lagu latar drama ini.

Mengenai "Rumah Pondok Rumah Pangsa," Zain memberitahu bahawa drama ini mengesahkan perbedzaan hidup serba kolot dan progresif.

Di-pileh

Pelakon2 yang telah membintangi-nya ia-lah

A. R. Tompel, Roseminah Sidek, Raja Ismail Ahmad Omar, Che Minah Sayang dan Rubiah Suparman.

Bagi Rubiah, ini-lah kali pertama beliau ber-

lakon dengan TV Malaysia. Sa-belum ini ia pernah berlakon dalam drama2 terbitan RTS.

Rakaman drama komidi ini akan di-mulakan pertengahan bulan ini.


Enche Zain juga memberitahu bahawa beliau

akan juga menerbitkan sa-buah drama Inggeris bertajok "Flood" selepas drama RPRP nanti.

Kata-nya, "Flood" ditulis oleh Lee Joo For, seorang penulis skrip drama Inggeris yang terkenal di-Ibukota.



ZAIN MAHMUD



ZAINUDDIN ZIMBO



NORLELA SAMAD





Pasangan lawak suami isteri, A. R. Tompel dan Mak Mah (Roseminab Sidek).

Related Articles



'Korban' persembahan yang 'modest' dari Zain Mahmood

Berita Harian 28 February 1972

'Korban' persembahan yang 'modest' dari Zain Mahmood AZMI MAHMUD Oleh ...

Norela, pelakon pentas terbaik akan ka-TV pula

Berita Harian 11 January 1970

Norela, pelakon pentas terbaik akan ka-TV pula ZAINIDDIN B j-UORELA S ...

Mariani dalam 'Kembang Berbisa

Berita Harian 27 September 1970

Mariani dalam 'Kembang Berbisa ZAINUDDIN BENDAHARA Oleh UMWATI



National Library Board
Singapore



Report Vulnerability ☒ Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy Browser Compatibility

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019